

Oleh Hamzah Badiran
hamzah@hmetro.com.my

Hangi

Bapanya bekas buruh kasar manakala ibunya sari rumah yang dahulunya menjual kuih-muih untuk menambah pendapatan keluarga.

Namun, semua itu tidak menghalang Farahana Mohamed, 27, dari Kota Bharu, Kelantan, belajar bersungguh-sungguh sehingga menerima Anugerah Pelajaran DiRaja pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-47 di sini, semalam.

Farahana berkata, kesukaran hidup keluarga menjadi pembakar semangat untuk mengubah nasib mereka dengan berjaya dalam pendidikan.

"Saya mempunyai 11 adik-beradik dan dijaga nenek sejak berumur lapan bulan kerana beberapa faktor antaranya keadaan kewangan keluarga.

"Dari kecil saya diajar berdikari dan selepas ayah diserang angin ahmar 10 tahun lalu, adik-beradik lain banyak berkorban masa,

TEKAD FARAHANA

Gadis raih Anugerah Pelajaran DiRaja mahu ubah nasib keluarga

FOTO: SAIFULLIZAN TAMADI

wang dan tenaga untuk menyara keluarga besar ini.

"Syukur Alhamdulillah dengan penganugerahan ini yang sama sekali saya tidak jangkakan. Hasil penat lelah selama ini terbalas dan berkat doa ibu ayah, saya berjaya membuktikan kemampuan diri serta membanggakan mereka," kata graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian (Cemerlang) dari Fakulti Sains Kesihatan ini.

Turut menerima anugerah sama S Nalina, 23, yang aktif dengan program kepimpinan, aktiviti amal dan sosial, khidmat masyarakat serta kesukarelawanan selama pengajiannya di UKM.

Menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian (Cemerlang) dari Fakulti Undang-Undang, Nalina tidak mempunyai resipi kejayaan yang luar biasa kecuali sentiasa fokus ke-



FARAHANA (dua dari kiri) dan Nalina bersama Muhammad Alif Fitri (kiri) serta Peh pada Konvokesyen UKM ke-47.

tika kuliah.

Menurutnya, kejayaan yang dikecapi itu tidak datang bergolek kerana me-

merlukan pengorbanan tinggi sebagai penuntut, anak dan pemimpin dalam aktiviti di universiti.

"Anugerah ini adalah pencapaian terbesar dalam perjalanan akademik saya dan menjadi inspirasi untuk te-

rus bekerja keras di masa hadapan," katanya.

Farahana dan Nalina menerima anugerah itu daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir yang juga Canselor UKM.

Sempena majlis konvokesyen itu juga, Anugerah Naib Canselor diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Cemerlang) dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Muhammad Alif Fitri Abdul Halim, 23, manakala Anugerah Tun Razak pula diterima oleh Joshua Peh Jian Ren, 24.

Buat julung kali, UKM turut memperkenalkan Anugerah Emas Kedoktoran yang menyaksikan Dr Kassim Bahali, 59, pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Institut Alam dan Tamadun serta Dr Abdullah Amru Indera Luthfi, 29, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kejuruteraan Kimia dan Proses muncul sebagai penerima pertama.

Seramai 7,655 graduan UKM bergraduasi pada majlis Konvokesyen UKM Ke-47 yang berlangsung empat hari, bermula semalam.